

Peserta Eco Campus UMS diminta datang awal

UB 15.11.2014 A14

KOTA KINABALU: Peserta Larian Eco Campus Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ahad ini diminta datang sebelum jam 6.15 pagi.

“Setakat ini hampir 1,000 orang telah mengesahkan penyertaan. Ia jumlah yang agak ramai, oleh itu kami minta kerjasama agar peserta datang sebelum jam 6.15 pagi bagi membolehkan program ini berjalan lancar

dan mengikut jadual.

“Peserta akan dilepaskan di Stadium UMS oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah pada jam 6.30 pagi,” kata Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraaf Fong ketika memberitahu perkara itu kelmarin.

Penyertaan dibahagikan kepada kategori senior lelaki dan wanita, veteran lelaki (45

tahun ke atas), veteran wanita (38 tahun ke atas) dan murid sekolah 18 tahun ke bawah.

Peserta kategori murid sekolah 18 tahun ke bawah dikenakan yuran penyertaan RM25 manakala kategori lain RM35.

Program sempena ulang tahun ke-20 UMS itu menawarkan hadiah keseluruhan RM10,000 dalam bentuk wang tunai,

medal dan sijil.

“Selain salah satu pengisian sempena ulang tahun UMS, program ini juga adalah salah satu aktiviti kemasyarakatan UMS mengajak orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan.

“Pada masa yang sama kami juga mahu memperkenalkan UMS sebagai Eco Kampus yang hijau dan menarik,” katanya.